

## **TRADISI KEILMUAN PEMBINA KARAKTER ULAMA MELAYU ABAD KE-19 MASIHI**

Amnah Saayah Ismail  
amnah@Upnm.Edu.My

Wan Kamal Mujani  
Burhanuddin Jalal  
Norlaila Mazura Hj. Mohaiyadin  
Aida Nasirah Abdullah

*Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **ABSTRAK**

*Masyarakat Melayu sinonim memartabatkan para ulama sebagai suri tauladan dalam kehidupan. Setiap tingkah laku dan panduan menjadi inspirasi ikutan seluruh masyarakat. Tradisi pengajian ilmu pula menjadi pemangkin hubungan erat antara masyarakat dan juga para ulama. Justeru penulisan ini ingin melihat apakah bentuk tradisi keilmuan yang wujud dalam sistem pengajian masyarakat Melayu yang akhirnya nanti dapat membentuk karakter para ulama dan bakal ulama yang sepanjang abad ke-19 Masihi. Penulisan akan memfokuskan perkembangan tradisi keilmuan para ulama Melayu di Kelantan, Terengganu dan Pahang sahaja. Metodologi penulisan ini ialah akan menggunakan kaedah analisis kandungan dan kajian kepustakaan. Menerusi penulisan ini didapati bahawa kaedah halaqah dan talaqi digunakan dalam tradisi pengajian ulama Melayu sepanjang abad ke-19 Masihi. Kaedah itu menjadikan hubungan antara pelajar dan ulama semakin rapat selain membentuk karekter terpuji seperti hormat menghormati, berkarisma, berintegriti dan lain-lain lagi.*

**Kata kunci:** *Ulama Melayu, ulama Pahang, tradisi ilmu, abad ke-19, halaqah*

### **PENDAHULUAN**

Kelantan, Terengganu dan Pahang merupakan negeri-negeri yang terletak di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu. Ketiga-tiga negeri ini menyaksikan perkembangan ulama dan keilmuan Islam yang bergerak seiring begitu pantas dan

bersahaja. Kehidupan beragama menjadi perhatian utama kelompok masyarakat termasuk pemerintah. Kehidupan beragama ini dapat dilihat menerusi catatan-catatan yang dibuat oleh pengembara-pengembara barat dan penulis tempatan seperti Hugh Clifford, J. M. Gullick, William R. Roff dan Abdullah Munshi. Kajian berkenaan perkembangan masyarakat Melayu Islam di negeri-negeri Pantai Timur juga dapat dilihat dengan jelas menerusi perbincangan berkaitan dengan peranan ulama dan perkembangan keilmuan yang sedia ada sepanjang abad ke-19 Masihi.

Abad ke-19 Masihi menyaksikan kemunculan ramai ulama di negeri-negeri pantai timur yang memainkan peranan dan tanggung jawab yang dipikul sebagai seorang ulama. Kebanjiran ulama di Kelantan dan Terengganu di tengah-tengah masyarakat yang inginkan kesedaran agama yang lebih semakin menggalakkan pertumbuhan tempat-tempat pengajian. Tempat-tempat pengajian seperti masjid, surau dan pondok selain rumah-rumah ulama itu sendiri telah diperkembangkan peranannya oleh para ulama yang ingin menyampaikan ilmu yang dimiliki kepada seluruh masyarakat. Hasilnya lahir golongan ilmuwan di samping wujud kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk memahami ajaran Islam. Suasana keagamaan di Kelantan dan Terengganu juga turut sama memberi kesan kepada perkembangan Islam di negeri-negeri jiran seperti Pahang.

Menyorot tempat-tempat pengajian tersebut sekitar abad ke-19 Masihi kita akan menemui banyak nama ulama yang dikaitkan dengan perkembangan yang berlaku di situ khususnya dari sudut keilmuan. Namun tidak banyak catatan yang khusus dibuat berkenaan dengan mereka. Nama-nama seperti Tok Pulai Chondong, Tuan Tabal, Tuan Padang dan Nik Wan Daud bin Sulaiman selain Tok Wan Ali Kutan dan Tok Kenali dan ramai lagi merupakan nama yang sinonim dengan perkembangan keilmuan di Kelantan (Nik Abdul Aziz Nik Hassan. 1980). Manakala menurut Muhammad Abu Bakar (1991) nama-nama seperti Sheikh Abdul Kadir Bukit Bayas, Tok Ku Tuan Besar, Tok Ku Paloh, Tok Sheikh Duyong, Haji Mat Shafie Losong dan Tuan Hassan Besut pula merupakan nama barisan ulama yang aktif menggiatkan pengajian Islam di Terengganu. Pahang juga menyaksikan beberapa orang ulama dalam bidang keilmuan. Menurut Abdul Monir bin Yaakob (2001), antara mereka seperti Tuan Haji Uthman bin Senik, Haji Ishak dan Qadhi Haji Ibrahim selain pengasasan keilmuan oleh Tok Shihabuddin dan keturunannya merupakan ulama yang terlibat secara langsung dalam usaha menyuntik kesedaran keagamaan di Pahang.

## **PERKEMBANGAN ULAMA DI KELANTAN, TERENGGANU DAN PAHANG PADA ABAD KE-19 MASIHI**

Abad ke-19 Masihi merupakan satu abad yang menyaksikan kelahiran ramai ulama dan perkembangan keilmuan di ketiga-tiga buah negeri di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu. Keadaan ini berkait dengan kedudukan sosial masyarakat di negeri ini yang berada dalam kedudukan yang baik. Masyarakat minat dan sedar untuk menuntut ilmu sebagai persediaan menjadi seorang muslim yang baik. Sokongan dan minat pemerintah dalam mendalami Islam juga merupakan faktor penguat bagi membolehkan pergerakan bidang keilmuan dan kegamaan berjalan lancar di dalam negeri. Antara pemerintah yang memberi sokongan kuat terhadap perkembangan Islam di dalam negeri ialah Sultan Muhammad I, Sultan Muhammad II dan Sultan Mansur; sultan-sultan negeri Kelantan serta Sultan Baginda Omar dan Sultan Zainal Abidin III; sultan-sultan negeri Terengganu.

Rentetan dari kesedaran masyarakat, peranan para ulama dan sokongan pemerintah ini, wujud sebuah masyarakat yang mahukan Islam sebagai satu landasan dan cara hidup. Islam juga di samping itu turut sama diaplikasikan dalam perundangan. Kita dapat melihat bagaimana Hugh Clifford dengan jelas melaporkan bahawa masyarakat Islam Terengganu merupakan sebuah masyarakat yang paling kuat beragama di Semenanjung Tanah Melayu. Beliau juga turut mencatatkan bahawa perundangan Islam berasaskan syara turut diamalkan di negeri-negeri seperti Kelantan dan Terengganu. Laporan sebegini merupakan satu gambaran realiti sosial yang hanya boleh berlaku hasil dari kemauan dan kesedaran masyarakat.

Sheppard menjelaskan kedudukan ulama di Terengganu yang merupakan kelas ketiga dalam masyarakat selepas pemerintah dan pembesar. Keadaan tersebut menunjukkan penerimaan golongan agama di tengah-tengah pentadbiran pemerintahan. Ia hanya berlaku apabila pemerintah itu sendiri mahukan gaya hidup dan pemikiran Islam berada di dalam pentadbirannya. Pemerintah yang mendekati golongan agama juga dilihat lebih digemari dan popular di kalangan rakyat. Sebagai contoh Baginda Omar dan Sultan Zainal Abidin III. Baginda berdua sangat disegani dan dihormati dalam kalangan rakyat jelata hasil daripada minat mereka untuk mendekati ulama dan menjadikan ulama sebagai pentadbir. Pendekatan agama dan dasar keterbukaan yang digunakan kedua sultan ini telah menjadikan negeri Terengganu sebagai tumpuan pelajar dan ulama dari luar untuk datang ke Terengganu. Keadaan ini membolehkan perkembangan keilmuan dan generasi berkualiti dari sudut keilmuan dan keimanan dapat dilahirkan.

Kelantan merupakan sebuah negeri yang melahirkan ramai ulama yang terkenal sepanjang abad ke-19 Masihi. Ia berikutan negeri Kelantan yang merupakan sebuah Kerajaan Melayu dan menjadikan Islam sebagai dasar perundungan dan landasan kehidupan. Kenyataan ini adalah berdasarkan penemuan awal sekeping syiling emas yang bertulis *al-Mutawakkal ala Allah* dan *al-Julus Kelantan* serta bertarikh 577H bersamaan 1180M. Sekiranya pendapat ini betul dan tepat, ini bermakna agama Islam telah pun bertapak di negeri Kelantan selewat-lewatnya pada abad ke-12 Masihi (Nik Mohamed Nik Mohd Salleh 1985). Berdasarkan kewujudan wang emas ini dapat menggambarkan kemantapan perkembangan Islam pada masa itu. Kita juga dapat merasakan bahawa penerimaan dan kemantapan Islam di negeri ini adalah melalui peranan ulama. Ulama-ulama pula akan sentiasa berkembang dari zaman ke zaman bersesuaian dengan kehendak dan permintaan masyarakat setempat.

Ulama di Kelantan telah mula muncul hasil dari perkembangan sosial masyarakat yang berkehendakkan Islam. Penghujung abad ke-18 Masihi telah menyaksikan peranan seorang ulama yang dikenali sebagai Sheikh Abdul Halim yang telah membentuk dan membina pengajaran dan pendidikan Islam dengan teratur. Bertempat di istana, masjid dan surau, masyarakat telah mula terkesan dan bersungguh-sungguh untuk mendalami Islam dengan lebih baik. Sheikh Abdul Halim yang juga merupakan seorang penasihat agama bagi Sultan Muhammad I juga turut sama menggunakan kedudukan beliau ini untuk meluaskan pengajaran Islam di kalangan masyarakat Kelantan. Berlanjutan dari usaha yang dijalankan oleh beliau ini, kita dapat lihat pembudayaan Islam sebagai cara hidup telah mula meresap di dalam segenap urusan harian masyarakat Kelantan (Abdul Halim Ahmad 1982).

Masyarakat yang semakin peka tentang pentingnya pengajaran Islam yang mengandungi ajaran pembersihan akidah dan pembentukan akhlak ini kemudiannya akan semakin bersungguh-sungguh untuk mendalami pengajaran ajaran suci ini. Ibu bapa yang peka kepada keadaan ini akan menghantar anak-anak mereka untuk mendapatkan ilmu di dalam dan luar negeri. Antara destinasi yang sering dituju oleh mereka ialah Patani yang mempunyai institusi perpondokan yang mantap ketika itu. Berbekal dengan ilmu yang dimiliki dari dalam negeri, individu yang berusaha menyambung pengajaran dan membentuk tradisi ilmu mereka sendiri akan mendalami ilmu dari barisan ulama yang terkenal di Patani seperti Sheikh Wan Mustafa al-Fatani yang membuka pondok di Kampung Bendang Daya dan Sheikh Daud al-Fatani.

Setelah tamat pengajaran di Patani, lulusan pondok ini akan pulang dan mengajar di perkampungan masing-masing. Kelayakan dan kebijaksanaan mereka dalam bidang

ilmu telah membentuk mereka untuk menjadi ulama dan sering didekati oleh masyarakat. Bagi pelajar yang berkemampuan dan bersungguh-sungguh untuk menjadi lebih alim, mereka akan melanjutkan pengajian di Makkah untuk memantapkan ilmu yang sedia ada. Keadaan ini lebih manaikkan status mereka sebagai seorang ulama terkemuka kerana Makkah pada pandangan masyarakat Melayu ketika itu merupakan sebuah pusat pengajian Islam yang paling terkemuka dan berprestij dalam dunia Islam. Keadaan yang sama akan berulang apabila lulusan ini pulang ke tanahair.

Antara pelajar yang mengikuti pengajian yang diasaskan oleh Sheikh Abdul Halim ialah anaknya sendiri iaitu Tuan Haji Yaakob. Tuan Haji Yaakob yang lebih dikenali sebagai Tuan Padang ini yang turut mengambil sama peranan sebagai seorang ulama telah mendidik dan mengajar masyarakat Kelantan agar lebih cenderung kepada ilmu dan penghayatan Islam. Tuan Haji Yaakob kemudiannya telah melahirkan ramai ilmuwan terkemuka di Kelantan seperti Tuan Tabal dan Haji Wan Ali Kutan (Abdul Halim Ahmad 1982). Keadaan yang berlanjutan ini telah berjalan lancar tahun demi tahun sehingga masyarakat Kelantan telah diresapi dengan semangat keagamaan yang sangat mendalam. Murid-murid mereka yang berkebolehan telah meneruskan perkembangan tradisi pendidikan Islam dengan mendirikan pondok di tempat masing-masing di samping mengajar di masjid-masjid dan surau. Ia seterusnya akan melahirkan masyarakat Islam yang gemarkan ilmu dan generasi ulama yang tidak putus di negeri Kelantan.

Antara pondok yang wujud ialah Pondok Pulai Chondong. Pondok yang dibuka suku kedua abad ke-19 Masihi ini telah mengorak langkah untuk mendidik dan memberi lembaran baru dalam kehidupan masyarakat Islam Kelantan agar menjadikan Islam sebagai landasan dan amalan selain memupuk minat terhadap ilmu. Menerusi pondok ini, lahirlah generasi dan keturunan ulama. Antaranya seperti pengasasnya Imam Haji Abdul Samad Tuan Pulai Chondong bin Imam Lebai Abdullah bin Imam Lebai Hashim (1792-1873). Beliau telah melahirkan tokoh-tokoh pelajar yang terdiri dari anak-anak beliau sendiri selain pelajar-pelajar dari dalam negeri. Antara anak-anaknya yang terlibat seperti Haji Muhammad Arshad (1848-1912) dan Haji Omar (- 1911). Haji Omar pula kemudiannya melahirkan generasi ulama yang terkemuka seperti Haji Abdul Rahman bin Wan Bebakar dan Haji Abdullah bin Haji Omar yang dikenali sebagai Tok Kerawat (cucu Tok Pulai Chondong) (Ismail Che Daud 1991). Keadaan yang sama turut berlaku di Terengganu. Kelahiran ulama di sini turut berlaku hasil perubahan masyarakat yang inginkan satu bentuk kehidupan beragama yang lebih baik. Terengganu merupakan sebuah negeri yang mempunyai bilangan

ulama yang tinggi sepanjang abad ke-19 Masihi. Keadaan ini juga merupakan situasi lanjutan dari abad-abad sebelum ini yang memperlihatkan Terengganu berkembang dari sudut keagamaan dan peningkatan taraf sosial masyarakatnya hasil daripada peranan dan sumbangan besar para ulama di dalam negeri.

Zaman-zaman awal kemunculan Islam sehingga abad ke-19 Masihi telah diklasifikasikan oleh Shafie Abu Bakar (1989) sebagai zaman tradisi yang merujuk kepada satu zaman yang masih mengikuti aturan dan nilai-nilai yang diwarisi sejak turun temurun. Zaman awal ini telah mencorakkan pelbagai kemajuan termasuk situasi pembelajaran dan perkembangan dari sudut intelektual serta kesedaran masyarakat terhadap agama. Untuk membincangkan secara jelas perkembangan ulama di Terengganu, penulisan akan ditumpukan tentang perkembangan yang bermula pada akhir abad ke-17 Masihi atau secara rasminya setelah pengasasan institusi Pulau Manis oleh Sheikh Abdul Malik bin Abdullah (1650- 1736M) yang lebih dikenali sebagai Tok Pulau Manis.

Menerusi pengasasan Institusi Pengajian di Pulau Manis, bilangan ulama di Terengganu semakin meningkat. Para lulusan di sini seterusnya akan melanjutkan pengajian mereka di Patani dan sebahagiannya pula ke Makkah bagi melengkapkan ilmu yang sedia ada. Masyarakat sekeliling juga semakin mengenali Islam hasil dari kegiatan keilmuan dan dakwah Islam yang semakin melebarkan sayapnya berkat usaha dan peranan para ulama. Masyarakat Islam juga semakin diresapi dengan pembudayaan Islam sebagai cara hidup sekaligus dapat memurnikan akidah dan akhlak mereka.

Hasil dari kewujudan dan pengasasan institusi Pulau Manis dalam bentuk pengajian pondok dan perkembangan ilmu pengetahuan secara tidak formal yang berlangsung seperti di istana, rumah-rumah guru, masjid, surau dan seumpamanya di tambah dengan kehadiran ulama-ulama dari luar Terengganu, perkembangan ilmu pengetahuan dan kesedaran tentang Islam mencapai puncaknya pada abad ke-19 Masihi. Perkembangan-perkembangan yang disusuli dengan pembinaan institusi pondok dan pusat pengajian yang lain seperti di Beladau dan Serengas memperlihatkan kepada kita bertambahnya jumlah para ilmuan Islam dan pertambahan minat tentang ilmu di kalangan masyarakat setempat.

Perkembangan ulama di Pahang tidak berlaku seperti di Kelantan dan Terengganu. Namun masyarakat dan Islam di Pahang sekitar abad ke-19 Masihi pada pandangan penulis tidak terlepas dari peranan dan pengorbanan seorang ulama. Melihat kepada

bukti kedatangan awal Islam ke negeri ini, penulis semakin yakin bahawa perkembangan demi perkembangan pada setiap zaman berlaku seiring dengan peranan dan penglibatan ulama dalam merencanakan perubahan dalam masyarakat.

Catatan awal tentang kemunculan ulama di Pahang adalah sekitar abad ke-18 Masihi. Ulama yang dimaksudkan ialah Tok Shihabuddin yang menjadikan Temerloh sebagai tempat mengajar dan menyampaikan ilmu berkaitan Islam. Kemunculan beliau digariskan sebagai satu pengasasan kepada perkembangan Islam yang jelas di negeri Pahang pada zaman-zaman seterusnya. Justeru melalui penglibatan beliau di dalam pengajaran Islam ini, pembentukan masyarakat yang berteraskan Islam telah mula berlaku. Tok Shihabuddin yang menggunakan tema syair di dalam penyampaian dakwah Islamnya telah berupaya membentuk masyarakat Islam yang lebih baik selain melahirkan keturunan ulama di kalangan keluarganya.

Selain itu, Tok Shihabuddin juga merupakan ulama sezaman dengan Tok Pulau Manis di Terengganu. Menurut sumber dari Terengganu mengatakan seorang pelajar dari Pahang pernah menjelajah ke Terengganu hingga ke Kelantan mencari guru-guru yang mursyid bertanyakan masalah-masalah keagamaan. Antara persoalan-persoalan itu pernah dikemukakan kepada Sheikh Abdul Malik (Tok Pulau Manis). Menurut cerita lisan pula dikatakan bahawa Tok Pulau Manis juga pernah mengajar di Pahang (Shafie Abu Bakar 1987). Mungkin kenyataan ini adalah merujuk kepada Tok Shihabuddin yang sangat gemarkan ilmu. Menerusi maklumat sebegini, penulis yakin bahawa ulama di Pahang sentiasa dilahirkan samada menerusi pembentukan dari ulama tempatan mahupun institusi-institusi dari luar negeri Pahang.

## **TALAQI DAN HALAQAH DALAM TRADISI KEILMUAN**

Kelahiran dan penampilan ulama di tengah-tengah masyarakat telah berjaya mengembangkan bidang keilmuan Islam sepanjang abad ke-19 Masihi. Sejajar dengan kehendak Islam yang menginginkan umatnya mendalamai dan memperkembangkan apa jua bidang ilmu, bidang keilmuan Islam telah mendapat tempat di hati masyarakat tempatan di pantai timur. Semua ini bermula apabila banyak institusi atau tempat pengajian tumbuh di merata tempat dalam sesebuah negeri. Masjid, surau, pondok dan istana merupakan institusi tidak formal yang menjadi tumpuan masyarakat dalam mengikuti sebarang majlis ilmu. Bermula dengan pengajian di istana yang dikelolakan oleh ulama pilihan beserta sokongan pemerintah, pengajaran Islam telah berjaya menarik perhatian pemerintah, pembesar dan kerabat diraja serta masyarakat untuk membudayakan Islam. Namun dengan peralihan zaman istana tidak lagi berperanan sebagai tempat pengajian umum. Menjelang pertengahan

abad ke-19 Masihi malah lebih jelas setelah kembalinya ramai ulama tempatan dari Patani dan Makkah, istana hanya berperanan sebagai tempat pengajaran kepada pemerintah, pembesar dan kaum kerabat diraja sahaja. Ketika ini, masjid, surau dan pondok telah mengambil tempat sebagai institusi saluran ilmu kepada masyarakat setempat dan luar.

Masjid, surau dan pondok di samping itu merupakan satu rangkaian institusi yang bergerak seiring pada satu masa. Berbekalkan matlamat penyaluran ilmu secara terbuka kepada semua pihak, institusi-institusi ini telah berkembang dengan pesat. Ia juga merupakan pengasasan dan pengorbanan para ulama dalam memikul tanggung jawab dan peranan sebagai seorang penyampai ilmu dan penyebar dakwah Islam. Masjid dan surau merupakan institusi yang dibina di atas inisiatif para ulama. Ia dibina bagi memudahkan para ulama menyampaikan pengajaran secara terbuka mereka kepada masyarakat setempat. Keadaan ini yang membolehkan pergerakan bidang keilmuan semakin rancak. Manakala pondok pula yang semakin terserlah peranannya menjelang penghujung abad ke-19 Masihi ini tumbuh di sekitar kawasan masjid dan surau. Pondok pada peringkat awal hanya dibina sebagai tempat penginapan bagi pelajar yang datang dari tempat yang jauh. Peringkat permulaan, para pelajar akan menginap dan menumpang di rumah masyarakat tempatan mahupun di rumah tuan guru. Namun kehebatan dan kemasyhuran seseorang ulama itu menyebabkan berlakunya limpahan pelajar dari pelbagai pelusok daerah dan negeri. Pondok perlu didirikan bagi memenuhi keperluan ini. Pondok juga ketika ini masih belum mempunyai sistem yang lengkap sebagaimana yang berlaku pada awal abad ke-20 Masihi. Pondok juga selain sebagai tempat penginapan turut sama dijadikan tempat perbincangan para pelajar selepas mendengar kuliah yang disampaikan oleh tuan guru samada di masjid atau pun surau.

Kewujudan institusi-institusi yang lebih jelas peranannya ini membolehkan bidang keilmuan dibincangkan secara lebih teratur dan mendalam pada abad ke-19 Masihi. Di sini bermulanya pengajian berbentuk halaqah dan talaqqi. Halaqah merujuk kepada pengajian berbentuk bulatan yang memerlukan seorang guru atau ulama dan para pelajar yang mengelilingi mereka. Ia juga mungkin boleh dikatakan sebagai kuliah terbuka seperti yang berlaku hari ini. Para pelajar boleh memilih guru-guru atau ulama yang disukai dan ilmu yang diperlukan. Pengajian berbentuk halaqah ini diinspirasikan daripada pengajian halaqah di Masjid al-Haram Makkah. Pengajian pula terbuka kepada ilmu-ilmu asas dan lebih mudah dan ringan seperti ilmu fiqh, tauhid, tafsir, hadith dan sebagainya. Para pelajar pula terdiri dalam kalangan masyarakat setempat.

Bagi pengajian berbentuk halaqah, pada peringkat awal pengajaran yang disampaikan oleh para ulama adalah meliputi pengajian asas sahaja. Ia merangkumi pengajian al-Quran, pengetahuan tentang rukun Islam dan iman serta akhlak. Pengajaran yang disampaikan ini adalah bersesuaian dengan realiti masyarakat yang masih terkesan dengan budaya tempatan dan adat turun temurun yang diwarisi zaman berzaman. Ulama terpanggil bagi memurnikan aqidah dan membentuk saksiah masyarakat bagi memastikan ia selaras sebagaimana yang dituntut oleh al-Qurān dan al-Sunnah. Manakala pengajian al-Qurān pula sebagai pendekatan awal bagi mendekatkan diri masyarakat dan pelajar dengan pelbagai bidang ilmu baru selain al-Qurān sebagai satu simbol keislaman itu sendiri.

Bidang pengajian keilmuan yang bercambah hasil pengajian awal yang berlaku di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang sepanjang abad ke-19 Masihi ialah bidang pengajian al-Qurān, ilmu usul al-din, tasawuf dan fiqh. Bidang-bidang keilmuan ini dikenalpasti melalui hasil penulisan yang dinukilkhan oleh para ulama khususnya pada pertengahan abad ke-19 Masihi. Bidang-bidang keilmuan ini menggunakan metode pengajaran tradisional yang menampilkan pengajian secara halaqah dan menadah kitab sebagaimana yang diaplikasikan di Makkah dan Patani. Pengajian al-Qurān merupakan pengajian asas yang perlu diikuti oleh setiap pelajar. Berkebolehan dalam bidang pengajian ini membolehkan para pelajar untuk mengikuti pengajian dalam bidang lain.

Pertengahan abad ke-19 Masihi menyaksikan perkembangan bidang pengajian seperti fiqh, usul al-din dan tasawuf secara meluas dalam kalangan masyarakat setempat dan luar. Peringkat perkembangan dan kemajuan bidang keilmuan ini turut memperlihatkan perbincangan ilmu yang lebih tinggi dan mendalam serta tidak kepada pengajian asas seperti sebelum ini. Karya karangan ulama pilihan samada tempatan mahupun luar seperti Patani, Aceh dan Makkah menjadi bahan perbincangan di dalam halaqah yang diadakan di masjid, surau dan pondok. Para pelajar juga pada peringkat ini diperkenalkan dengan perbahasan antara madhhhab dan ulama terkenal pada sesuatu isu yang dibincangkan.

Perkembangan ilmu-ilmu seperti tasawuf serta perbahansa-perbahasan yang mendalam menuntut teknik pengajaran dan pembekajaran berbentuk talaqqi dilaksanakan. Pengajian berbentuk talaqqi merujuk kepada pengajian muka ke muka atau secara berhadapan iaitu seorang ulama dan seorang murid. Kebiasaannya talaqqi ini mengkhususkan pengajian yang lebih terperinci dan mendalam seperti ilmu

tasawuf. Pengajian berbentuk ini pula kebiasaanya dijalankan di rumah-rumah para ulama dan hanya pelajar tertentu sahaja yang dipilih untuk mengikuti pengajian berbentuk ini. Ini berikutan kerana guru perlu menjelaskan dan membahaskan ilmu dengan lebih terperinci bagi memastikan para pelajar dapat memahami ilmu dengan lebih baik. Kebiasaanya para pelajar yang mendalami ilmu tasawuf ini akhirnya nanti turut sama menjadi ulama tersohor dan terkenal dalam kalangan masyarakat setempat dan seluruh nusantara.

## KARAKTER ULAMA MELAYU

Pengajian berbentuk halaqah dan talaqqi dilihat penulis berjaya membentuk karakter para ulama Melayu. Halaqah memerlukan para pelajar datang mendengar pengajaran dan memberi tumpuan kepada ilmu. Meskipun halaqah merupakan kuliah terbuka ia tidak bermakna para pelajar boleh sambil lewa di dalam pengajian. Begitu juga dengana talaqqi. Selain tumpuan yang mendalam terhadap pengajian para pelajar perlu memberi komitmen sepenuhnya terhadap pengajaran yang diberikan. Kedua-dua teknik pengajaran ini menjadi pemangkin dalam membentuk karakter ulama Melayu sepanjang abad ke-19 Masihi.

Hormat menghormati, berintegriti, berkarisma dan lain-lain lagi merupakan antara karakter para ulama Melayu sejak zaman berzaman. Untuk menjadikan mereka ulama mereka sudah pasti mereka telah melalui proses pengajian yang panjang. Penulis menjadikan teknik pengajian secara halaqah dan talaqqi sebagai antara faktor pembentukan karakter para ulama. Ketika mereka berada dalam pengajian ilmu mereka sebenarnya telah terdidik secara tidak langsung dengan akhlak terpuji guru-guru mereka. Ia sekaligus membentuk jati diri dan akhlak mereka sendiri selain turut diwarisi oleh pelajar-pelajar mereka selepas itu. Apabila proses pengajaran berlangsung nilai dan akhlak terus dipraktikkan. Ulama menjadi sanjungan para pelajar dan kemudiannya ia diamalkan zaman berzaman. Ulama menjadi ibu bapa di medan pengajian menggantikan ibu bapa yang berada di kampung. Semua ini menjadikan hubungan erat dan kasih sayang yang hebat antara ulama dan pelajar.

Justeru tidak hairanlah apabila pelajar tersebut berjaya menjadi seorang ulama kemudian hari tradisi yang sama turut diamalkan. Ulama yang mempunyai karakter yang hebat akan disegani pihak kawan dan lawan. Mereka akan menjadi suri tauladan dan rujukan terbaik kepada masyarakat dan pemerintah. Abad ke-19 Masihi menyaksikan ketiga-tiga negeri iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang meletakkan para ulama bersama-sama dalam tampuk pemerintahan negeri.

## KESIMPULAN

Jelasnya, hubungan ulama dan bidang keilmuan adalah satu rangkaian yang sangat jelas sepanjang abad ke-19 Masihi di negeri-negeri pantai timur. Melalui peranan yang dimainkan oleh para ulama ini samada melalui penyampaian ilmu dan penglibatan dalam bidang pentadbiran, masyarakat Islam dapat mengenal dan menghayati Islam dengan lebih baik dan telus. Islam dapat dikenali dan dipraktikkan bagi memenuhi tuntutan al-Qurān dan al-Sunnah.

Pengajian berbentuk halaqah dan talaqqi dilihat sebagai faktor pembentukan karakter para ulama sepanjang abad ke-19 Masihi. Meskipun ia nampak ringkas dan mudah namun proses pembentukan itu mengambil masa yang panjang dan memerlukan komitmen yang tinggi bukan hanya kepada ulama bahkan para pelajar juga. Hasil daripada proses tersebut menerusi teknik halaqah dan talaqqi berjaya menghasilkan ulama yang berkarakter mulia, ikhlas, berintegriti, berkarisma dan lain-lain lagi.

Di samping itu, kita juga boleh melihat kekuatan yang wujud dalam bidang keilmuan yang berlangsung pada abad ke-19 Masihi di negeri seperti Kelantan dan Terengganu. Bidang keilmuan ketika itu bercambah dan berkembang pesat hasil keinginan untuk mengetahui dan mendalami sesuatu bidang ilmu di kalangan masyarakat. Peluang untuk memilih ulama dan kitab yang ingin dipelajari dimanfaatkan sebaik mungkin oleh setiap pelajar. Justeru tiada paksaan dalam menuntut ilmu. Kebebasan sebegini menjadikan pelajar semakin ikhlas dan bersungguh-sungguh untuk menjadi bijak dan berkualiti. Pendekatan sebegini barangkali wajar diaplikasikan dalam kalangan pelajar-pelajar kita hari ini. Pilihan terhadap guru dan ilmu secara bebas bersesuaian dengan minat dan kecenderungan membolehkan para pelajar merasa selesa dengan pengajian yang diikutinya. Ini berkemungkinan membolehkan mereka lebih cemerlang dan berwibawa dalam ilmu yang dipelajarinya.

Masyarakat hari ini juga boleh menoleh melihat kebangkitan masyarakat Islam pada abad ke-19 Masihi dan menjadikannya sebagai satu contoh untuk mendepani masa depan. Keadaan masyarakat dan negeri ketika itu yang jika dibandingkan pada hari ini sangat keterbelakang dalam kemajuan sains dan teknologi, telah berupaya mewujudkan satu suasana dan jaringan keilmuan yang sangat hebat. Semua pihak bertungkus lumus untuk mendalami ilmu bagi meningkatkan taraf sosial diri, keluarga dan komuniti masing-masing. Perkara ini dilihat sangat membanggakan. Setiap individu dalam sesebuah kelompok masyarakat bertanggung jawab antara satu sama lain dalam melahirkan seseorang ulama di kampung mereka. Kita dapat lihat keadaan ini menerusi contoh kehidupan Haji Abdul Malik Sungai Pinang yang dibantu seisi

komuniti kampungnya bagi menjadikan dirinya seorang ulama yang alim dan berwibawa.

## **PENGHARGAAN**

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Geran Jangka Pendek Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM/2016/GPJP/4/SSI/1).

## **RUJUKAN**

- Abdul Halim Ahmad. 1982. Pendidikan Islam Di Kelantan. Dlm. Khoo Kay Kim (pnyt.). *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*, hlm. 1-27. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Abdul Monir bin Yaakob. 2001. Ulama Dalam Penulisan Sejarah. Kertas kerja Wacana Intelektual Pensejarahan Islam di Pahang: Hubungan Pahang Dengan Brunei. Pahang, 21-22 Mei.
- Amnah Saayah Ismail & Farid Mat Zain. 2004. Perspektif Islam di Tanah Melayu pada abad ke-19 Masihi. Analisis terhadap pemikiran Abdullah Munshi melalui karya Kisah Pelayaran Abdullah. Kertas kerja Seminar Pemikiran Islam Peringkat Antarabangsa. Universiti Kebangsaan Malaysia, 7-9 Disember.
- Clifford, Hugh. 1992. *An Expedition To Kelantan and Trengganu*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society.
- Gullick, J. M. 1989. *Malay society in the late Nineteenth Century*. Singapura: Oxford University Press.
- Ismail Che Daud (pngr.). 2001. *Tokoh-tokoh ulama' Semenanjung Melayu (1)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ismail Che Daud (pngr.). 1996. *Tokoh-tokoh ulama' Semenanjung Melayu (2)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ismail, A. S., & Mujan, W. K. (2014). Scholars' Jihad ta'limi in Pahang during The 19th Century.
- Mohamad Abu Bakar. 1991. Ulama dan umara: Tok Ku Paluh dan pemerintahan Islam. Dlm. Muhammad Abu Bakar (pnyt.). *Ulama Terengganu suatu sorotan*, hlm. 179-190. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd dan Jawatankuasa Koleksi Terengganu Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.
- Munshi, L. B. A. (2004). Perspektif Islam di Tanah Melayu Abad Ke-19: Analisis Terhadap Pemikiran Abdullah Munshi Melalui Karya "Kisah Pelayaran Abdullah". *Islam: Past, Present AND Future*, 340.

- Nik Abdul Aziz Nik Hassan (pnys.). 1983. *Islam di Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Nik Mohamed Nik Mohd Salleh (png.). 1985. *Warisan Kelantan IV*. Monograf, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Istana Jahar.
- Shafie Abu Bakar. 1989. *Perkembangan keilmuan dan kesedaran keislaman di Terengganu*. Monograf V, Lembaga Muzium Negeri Terengganu. Terengganu: Lembaga Muzium Negeri.
- Sheppard, Mubin. 1983. *A Short history of Terengganu*. Monograf 10, Malaysian Branch Royal Asiatic Society. Kuala Lumpur : Malaysian Branch Royal Asiatic Society.